

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

Pejabat Setiausaha Kerajaan
Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri
70503 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus



Telefon : 06-7632041 (Talian Terus)
06-7659911
No. Faks : 06-7673728
Email : drrazali@ns.gov.my

Rujukan Kami :SUKNS.(S)100-1/9/2 (62)

Tarikh : 31 Mei 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

PENGOPERASIAN PEJABAT DI BAWAH PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DALAM TEMPOH PKP FASA 1

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berdasarkan kenyataan media yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri pada 28 Mei 2021, pelaksanaan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi ataupun 'total lockdown' Fasa Pertama di seluruh Negara adalah berkuat kuasa selama 14 hari mulai 1 hingga 14 Jun 2021. Ini dilaksanakan berdasar kepada situasi semasa pandemik COVID-19 di Malaysia yang semakin membimbangkan.

3. Sehubungan dengan itu, perkhidmatan di pejabat di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan hendaklah dibuat sepenuhnya secara Bekerja Dari Rumah (BDR). Ketua Jabatan harus memastikan perkara berikut:

- 3.1 Semua mesyuarat dan perbincangan dilaksanakan secara dalam talian melalui medium yang selamat dan terjamin kerahsiaan.
- 3.2 Tiada perjumpaan atau aktiviti fizikal dibenarkan; dan
- 3.3 Perkhidmatan kaunter yang boleh berurusan secara atas talian ditutup dan segala urusan adalah melalui perkhidmatan atas talian (kecuali kaunter yang tidak mempunyai kemudahan urusan secara atas talian).

4. Ketua Jabatan juga perlu memastikan Pelaksanaan BDR adalah berdasarkan **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2020 - Dasar Bekerja Dari Rumah**, yang jelas memperincikan aspek-aspek yang perlu dipatuhi termasuk tidak boleh melaksanakan urusan peribadi dalam waktu bekerja. Sebarang **pelanggaran salah laku** dalam pematuhan kepada BDR, akan dikenakan **tindakan tatatertib di bawah P.U.(A) 395 Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993**.

5. Kehadiran ke pejabat **hanya boleh** dibenarkan bagi **proses kerja yang tidak boleh dilaksanakan secara BDR dengan tidak melebihi 20%** dengan tujuan serta tatacara berikut:

- a) Pembayaran kontrak/invois/gaji;
- b) Pembayaran/pengagihan bantuan bulanan/berkala kepada rakyat;
- c) Penyelenggaraan/keselamatan premis;
- d) Pengurusan teknikal ICT bagi tujuan penyelenggaraan sistem dan mesyuarat atas talian;
- e) Penyediaan kertas/dokumen melibatkan Jemaah Menteri;
- f) Penggiliran kakitangan bagi tempoh maksimum 4 jam;
- g) Kehadiran ke pejabat perlu disertai dengan dokumen arahan rasmi dan pas pekerja; dan
- h) Bagi perkhidmatan yang tiada perkhidmatan atas talian, kaunter bagi perkhidmatan ini perlu dibuka pada kadar 50% bermula pada 8.30 pagi sehingga 12.00 tengah hari. Walau bagaimanapun, janji temu hendaklah dibuat terlebih dahulu.

6. Pemantauan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa dan tindakan sewajarnya akan diambil sekiranya berlaku sebarang ketidakpatuhan kepada arahan yang dikeluarkan. **Ketua Jabatan perlu memastikan penyampaian perkhidmatan tidak terjejas dan berterusan serta dapat dicapai oleh pelanggan.** Piagam pelanggan dan KPI jabatan hendaklah sentiasa dipatuhi seperti pembayaran perolehan kerajaan dalam tempoh 14 hari dan lain-lain yang berkaitan. Sebarang **pengecualian** arahan ini perlu mendapat **kelulusan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.**

7. Sebagai langkah berterusan bagi pencegahan wabak COVID-19, Ketua Jabatan hendaklah sentiasa memastikan pematuhan sepenuhnya kepada semua *Standard Operating Procedure* (SOP), peraturan, garis panduan dan surat edaran yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.

8. Arahan ini juga dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSIH . MUAFAKAT . SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. RAZALI BIN AB MALIK)

Setiausaha Kerajaan

Negeri Sembilan Darul Khusus